

# KERATAN AKHBAR

ORIENTAL DAILY NEWS

TARIKH: 09 OGOS 2019

MUKA SURAT: A36

## PEMBUANGAN SAMPAH DAN SISA BUANGAN

### AGENSI KERAJAAN DI JOHOR BERSAMA-SAMA Mencari Jalan Penyelesaian

[**JOHOR BAHRU**] Kawasan paya di Kg Sungai Tembon telah dilanda oleh sampah-sarap dan sisa buangan. Ia dikhuatiri akan membahayakan kanak-kanak yang bermandi-manda di kawasan sungai tersebut. Tuan Tan Chen Choon, Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar Dan Alam Sekitar diiringi oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Jabatan Parit dan Saliran Negeri Johor dan SW Corp Negeri Johor untuk membuat pemantauan di kawasan tersebut. Setelah beliau berbincang dengan beberapa agensi kerajaan tersebut, beliau berkata kawasan tersebut merupakan tempat pembuangan sampah secara haram. Bahan sisa buangan seperti plastik dan peminan pula tidak mengandungi bahan kimia toksik yang merbahaya. Beliau menegaskan bagi memastikan sungai Temon yang dicemari oleh sampah tidak mengalir ke Selat Tebrau, beliau telah mengarahkan Jabatan Parit dan Saliran untuk membersihkan timbunan sampah serta mencadangkan SW Corp Negeri Johor untuk meletakkan bahan halangan bagi menghalang kemasukan lori untuk membuang sampah di kawasan tersebut.

Berkenaan dengan pembakaran sampah secara haram di Taman Kempas, beliau telah mengatur dua buah trak kren membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk memadamkan api. MBJB telah mengetahui identiti pemilik bagi tempat pembuangan sampah secara haram. Setelah laporan JAS siap, ia akan diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan selanjutnya.